

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)22**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

22. Apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai tanah melebihi 76 meter?
- (a) Adakah tanah ketinggian melebihi 76 meter dibenarkan untuk tujuan eko pelancongan dan mekanisme permohonan?
  - (b) Adakah jajaran PIL1 melalui kawasan ketinggian 76 meter?
  - (c) Adakah tanah ketinggian 76 meter dibenarkan untuk tujuan kuari tanah dan batu?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) yang telah diwartakan pada 24 Oktober 2019, di bawah Dasar Strategik Perancangan (DSP), Perkara 5.1.3: Menguatkuasakan Garis Panduan Yang Digunapakai Bagi Memelihara Dan Mengawal Pemetongan Tanah Bukit, Kerajaan Negeri telah memutuskan perkara-perkara berikut:-

- (a) Perkara L5.1.3.1 iaitu mengenai mengekalkan kawasan yang berada di aras 76 meter (250 kaki) dan ke atas sebagai kawasan berbukit/kawasan alam semulajadi, termasuk tanah-tanah yang diwartakan di dalam Akta Pemeliharaan Tanah 1960 (Warta Tanah Bukit) dan kawasan yang tertakluk kepada garis panduan yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
  
- (b) Perkara L5.1.3.2 iaitu mengenai sebarang pembangunan perbandaran yang meliputi pembangunan skim perumahan, perhotelan, resort, perdagangan, perindustrian dan sebarang struktur bangunan (*footprint*) TIDAK dibenarkan di kawasan berikut:
  - (i) Tanah tinggi yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960 (Akta 385); atau
  - (ii) Sebarang Tanah yang berada pada aras 76 meter (250 kaki) ke atas dan berkecerunan 25 darjah ke atas;

KECUALI bagi pemajuan infrastruktur dan utiliti dibenarkan dengan syarat-syarat daripada Jabatan Teknikal yang berkaitan dan mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.

- (a) Berdasarkan RSNPP 2030, sebarang aktiviti eko pelancongan bagi kawasan yang berada di aras 76 meter (250 kaki) adalah dibenarkan selagi mana tidak bercanggah dengan Perkara L5.1.3.1 dan Perkara L5.1.3.2 di dalam RSNPP 2030.
  
- (b) Jajaran PIL 1 sepanjang 19.5 km akan melalui kawasan yang berketinggian 76 meter. Berdasarkan kepada Pelan Rekabentuk PIL 1, jarak jajaran sepanjang 7.5 km terlibat dengan pembinaan 'viaduct' (V) di kawasan yang melebihi 76 meter seperti berikut:
  - (i) V2 (Bukit Bendera) - 300 meter
  
  - (ii) V3a (Air Itam) - 550 meter
  
  - (iii) V3b (Relau) - 250 meter

(c) Berdasarkan RSNPP 2030, di dalam Perkara L5.1.3.1, tanah yang berketinggian 76 meter dan ke atas tidak dibenarkan sebarang aktiviti dijalankan. Walaupun tidak dinyatakan secara khusus mengenai kebenaran untuk menjalankan sebarang aktiviti kuari tanah dan batu namun aktiviti kuari dan batu adalah masih tertakluk kepada garis panduan yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Sebagai contoh, pemohon perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Geoteknikal sebelum mengemukakan permohonan KM kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).